

SME Corp. lulus geran BEEP RM189.26 juta

KUANTAN 26 Julai - SME Corporation Malaysia (SME Corp.) meluluskan geran bernilai RM189.26 juta di bawah Program Peningkatan Enterprise Bumiputera (BEEP) sehingga 30 April lalu.

Ketua Pegawai Pelaksanaan dan Pemantauan SME Corp., Rizal Nainy berkata, kelulusan itu melibatkan 1,995 syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di seluruh negara yang mendapat manfaat daripada geran berkenaan.

"Subsektor yang paling banyak menerima geran ini adalah perkhidmatan memandangkan kira-kira 89 peratus bilangan PKS di seluruh negara adalah di bawah bidang ini," katanya dalam sidang akhbar sempena Program Jejak PKS Wilayah Pantai Timur di PJ Food Industries Sdn. Bhd. di Indera Mahkota di sini hari ini.

Program itu disempurnakan Setiausaha Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Datuk Khairur

Rizal Ramli.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan PJ Food Industries Sdn.

Bhd., Norehan Mohd. Noor.

PJ Food Industries Sdn. Bhd. merupakan salah satu penerima

geran BEEP daripada SME Corp. bagi melaksanakan projek pembungkusan produk, persijilan dan pembelian mesin.

Menerusi bantuan yang diterima, syarikat berkenaan yang berpengalaman dalam aktiviti pembuatan rempah ratus dan tepung goreng ayam menggunakan jenama produk Puteri Ayu berjaya meningkatkan kapasiti pengeluaran produk seterusnya menembusi pasar raya tempatan seperti Pasar Raya Darul Makmur, Tunas Manja Group (TMG) serta Nirwana.

Sementara itu, Norehan memberitahu, PJ Food Industries Sdn. Bhd. yang ketika ini mempunyai 20 pekerja mengeluarkan kira-kira 40 jenis produk khususnya rempah ratus dan tepung dengan nilai jualan mencecah RM2 juta setahun.



RIZAL NAINY (dua dari kiri) dan **Khairur Rizal Ramli** (dua dari kanan) mendengar penerangan **Norehan Mohd. Noor** (kanan) berhubung produk dalam Program Jejak PKS Wilayah Pantai Timur di Kuantan, Pahang, semalam.